

MAHATHIR-PAS

1982

BESUT, 25 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI PELAWAANNYA SUPAYA PAS MENYERTAI BARISAN NASIONAL.

PINTU UMNO JUGA SENTIASA TERBUKA UNTUK MENERIMA MANA-MANA AHLI PAS, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEDIH MELIHAT UMAT ISLAM DALAM PAS MENJADI LAWAN UMNO SEDANGKAN SELOK-ELOKNYA UMAT ISLAM DARI KEDUA-DUA PARTI PATUT MENJADI RAKAN SERTA BERSAMA-SAMA MEMBINA KEKUATAN UMMAH DEMI BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BESUT DI DEWAN BANDARAN DI SINI, PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO YAKIN SEKIRANYA PARA PEMIMPIN PAS MENGIZINKAN PARA AHLINYA MENDENGAR CERAMAH-CERAMAH OLEH UMNO, RAMAI YANG MENYEDARI KEBENARANNYA DAN AKAN TURUT BERJUANG BERSAMA-SAMA AHLI UMNO.

UMNO, KATA PERDANA MENTERI, IALAH PARTI ISLAM YANG TERBESAR DI NEGARA INI SEDANGKAN PAS HANYALAH PARTI ISLAM +SERPIHAN.+  
-- BERSAMBUNG 2025/SZ

B720:

MAHATHIR-PAS 2 BESUT

PERDANA MENTERI KESAL BAHAWA PELAWAANNYA KEPADA PAS SUPAYA KEMBALI SEMULA DALAM BARISAN NASIONAL UNTUK BERJUANG DEMI KEPENTINGAN BANGSA, SAGAMA DAN NEGARA DITOLAK BULAT-BULAT OLEH PARA PEMIMPIN PARTI ITU.

PAS BERPISAH DARI BARISAN NASIONAL DALAM BULAN DISEMBER 1977.

KATANYA, +WALAU SIKAP MEREKA DEMIKIAN, SAYA MASIH LAGI MEMANJANGKAN PELAWAAN SAYA ITU DAN SAMPAI KINI PUN PELAWAAN ITU MASIH TERBUKA.+

PERDANA MENTERI MENEGASKAN UMNO INGIN MELIHAT UMAT ISLAM DI NEGARA INI KUAT DAN BERSEPADU TETAPI APA YANG BERLAKU IALAH SEBALIKNYA AKIBAT DIHASUT DAN DISELEWENGGAN OLEH SEGELINTIR PEMIMPIN PAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PAS IALAH SEBUAH PARTI ISLAM SERPIHAN DAN WUJUD KERANA SEGELINTIR PEMIMPIN INGIN DIBERI LAYANAN DEMI KEPENTINGAN DIRI MEREKA.

MEREKA ITU SANGGUP KAFIR-MENKAFIR, MENGHINA AL-QURAN SECARA MENDAKWA BAHAWA KITAB SUCI ITULAH PERLEMBAGAAN PARTI DAN PULA MENYELEWENGGAN UMAT ISLAM DENGAN MENYURUH MEREKA BERSEMBAHYANG DI MASJID YANG DITAMPAL LAMBANG PARTI. -- BERSAMBUNG 2035/ZCM

MAHATHIR-PAS 3 BESUT

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BUKANLAH HAK PAS UNTUK MENGECAP AHLI UMNO ITU KAFIR KERANA HAK ITU IALAH ALLAH.

PERBUATAN MENGGUNAKAN AL-QURAN SEBAGAI PERLEMBAGAAN PARTI ADALAH SATU PENGHINAAN YANG TERAMAT KETERLALUAN TERHADAP KITAB SUCI DAN PERBUATAN AMAT KEJI KERANA PERLEMBAGAAN ADALAH CIPTAAN MANUSIA SEDANGKAN AL-QURAN CIPTAAN TUHAN.

SEMUA FITNAH YANG DILEMPARKAN TERHADAP KERAJAAN MENJADI-JADI MENJELANG PILIHANRAYA UMUM BUKANLAH PERBUATAN AHLI-AHLI PAS TETAPI OLEH PARA PEMIMPINNYA YANG SETENGAH-SETENGAH DARIPADA MEREKA TELAH +SESAT+ PADA PENDAPAT DATUK SERI DR. MAHATHIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN YANG ADA SEKARANG ADALAH +ALAT+ RAKYAT DAN BUKANNYA +TUAN+ KEPADA RAKYAT. SEBERAPA YANG TERMAMPU KERAJAAN BERUSAHA MEMBAWA KEBAHAGIAAN KEPADA RAKYAT TIDAK KIRA RUPABANGSA DAN KERAJAAN JUGA TIDAK BERSEMBUNYI-SEMBUNYI DARIPADA RAKYAT DALAM MENDEDAHKAN DAN MEMAJUKAN KEKAYAAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 2050/ZCM

B722:

MAHATHIR-PAS 4 BESUT

KEPADA PARA AHLI UMNO PULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN MEREKA JANGAN MENGULANGI +PERBUATAN MENIKAM KAWAN DARI BELAKANG+ KHUSUSNYA SEMASA PARTI MENGHADAPI PILIHANRAYA.

KATANYA PENGALAMAN PAHIT DAN KEKALAHAN UMNO YANG DIALAMI DALAM KES-KES TERTENTU DI KEDAH DALAM PILIHANRAYA 1974 DAN 1978 HENDAKLAH DIJADIKAN PENGAJARAN AKAN BETAPA BURUKNYA KESAN PERBUATAN +MENIKAM KAWAN DARI BELAKANG.+

DALAM KES-KES TERTENTU PADA PILIHANRAYA YANG LALU ITU ADA AHLI UMNO YANG TIDAK TERPILIH MENJADI CALON TELAH BERTANDING SEBAGAI CALON BEBAS MENENTANG CALON UMNO SENDIRI MENYEBABKAN AKHIRNYA KERUSI YANG DIREBUTKAN JATUH KE TANGAN PAS.

61

UMNO TIDAK MUNGKIN KALAH DALAM PILIHANRAYA KELAK JIKA AHLINYA BERSATU PADU TETAPI KEKALAHAN AKAN DIALAMI SEKIRANYA AHLINYA BERPECAH BELAH DAN AKIBATNYA ORANG YANG MENIMBULKAN PECAH BELAH ITUPUN JUGA AKAN KALAH, KATANYA.

PRESIDEN UMNO ITU MENINGATKAN TENTANG BETAPA BAHAYANYA MASA DEPAN UMNO JIKA AHLI-AHLINYA MENGIKUT NAFSU DAN BERJUANG UNTUK DIRI SENDIRI. -- BERSAMBUNG 2058/AI

B723:  
MAHATHIR-PAS 5 BESUT

PERDANA MENTERI TIDAK INGIN MELIHAT KELOMPOK-KELOMPOK WUJUD DALAM UMNO DAN MEREKA ITU PULA BERCAKARAN SESAMA SENDIRI KERANA AKIBATNYA KELAK UMNO AKAN MENJADI PARTI YANG KECIL DAN KESUDAHANNYA PULA MENJADI PARTI YANG TIDAK BERKESAN.

KATANYA UMNO BUKAN SAHAJA KEKAL MALAHAN BERKEMBANG DARI MASA KE SEMASA KERANA IA BERGERAK MENGIKUT TATA-TERTIB DAN KERANA KETERTIBAN ITULAH UMNO BERTERUSAN MENJADI TERAS KERAJAAN DAN BERJAYA MEMBAWA PEMBANGUNAN UNTUK RAKYAT SEMUA KAUM DI NEGARA INI.

KATANYA UMNO BERDISIPLIN KERANA IA SANGGUP MEMBUAT PENGORBANAN DAN KERANA KESANGGUPANNYA ITU UMNO TELAH MEMBAWA NIKMAT UNTUK SEMUA.

MENYENTUH TENTANG MESYUARAT PERWAKILAN YANG DIRASMIKANNYA HARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGARAHKAN SUPAYA URUSAN MESYUARAT DITANGGUHKAN KE SUATU TARIKH SELEPAS PILIHANRAYA UMUM PADA 22 APRIL SEJAJAR DENGAN KEHENDAK MAJLIS TERTINGGI UMNO.

DALAM UCAPANNYA DI MAJLIS ITU, MENTERI BESAR TRENGGANU DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD BERKATA PEMILIHAN MALAYSIA SEBAGAI TAPAK UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MEMBUKTIKAN KEPERCAYAAN LAIN-LAIN NEGARA ISLAM TERHADAP KESUNGGUHAN DAN KEUPAYAAN MALAYSIA UNTUK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN ISLAM.

KETUA UMNO BAHAGIAN BESUT, DATUK ZAKARIA ABDUL RAHMAN YANG JUGA TIMBALAN MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT PULA DALAM UCAPANNYA MENGUMUMKAN BAHAWA BEBERAPA ORANG AHLI PAS TERMASUK SEPASANG SUAMI ISTERI PEMIMPIN PARTI PAS TEMPATAN TELAH MASUK MENJADI AHLI UMNO.

-- BERNAMA 2121/LK